



## Eksplorasi biodiversiti di Hutan Royal Belum

YAYASAN Pulau Banding dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam mengemukakan program eksplorasi biodiversiti iaitu Royal Belum Adventure 2.0 di kawasan Hutan Royal Belum di Gerik, Perak baru-baru ini.

Program disertai 35 individu

terdiri daripada barisan kepimpinan mahasiswa MPP UITM Shah Alam serta ahli Kelab T-Rex di bawah UMK Tropical Rainforest Research Centre (UMK-TRaCe) bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam semula jadi.

Melalui program itu,

pelbagai aktiviti berimpak tinggi dijalankan bagi memberi pendedahan kepada peserta terhadap keindahan alam dan cabaran konservasi di Hutan Royal Belum.

Salah satu pengisian utama program ialah sesi interaksi bersama komuniti Orang Asli di Kampung Klewang dengan

para peserta bergotong-royong membersihkan kawasan kampung sebagai usaha mempererat hubungan sosial antara mahasiswa dan komuniti setempat.

Di samping itu, sumbangan berbentuk makanan asas seperti beras, tepung dan bihun turut disampaikan sebagai

simbol keprihatinan terhadap kesejahteraan komuniti Orang Asli.

■ PARA peserta Royal Belum Adventure 2.0 bergambar bersama komuniti Orang Asli Kampung Klewang di Hutan Royal Belum di Gerik, Perak.